



# **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN GERAKAN  
MEMERANGI PEMBERI RASUAH (GEMPUR)  
ANJURAN SPRM PULAU PINANG BERSAMA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**13 FEBRUARI 2018 (SELASA)  
10.00 PAGI**

**AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP  
BANDAR PERDA  
BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia Datuk Abdul Aziz Bin Abar**

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan SPRM**

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan MPSP**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH**  
**SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI**

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama dan berkumpul dalam Majlis Pelancaran Kempen Memerangi Pemberi Rasuah (Gempur) Anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan slogan “Anda Hulur, Kami Lapor”.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak SPRM kerana telah memilih MPSP untuk melancarkan kempen GEMPUR yang dilaksanakan serentak di seluruh Malaysia pada hari ini. Objektif **GEMPUR** ini adalah sebagai peringatan kepada penjawat awam untuk menolak dan melaporkan gejala rasuah, mendidik orang ramai agar tidak menawarkan rasuah kepada penjawat awam serta meningkatkan imej pegawai perkhidmatan awam.

Pada hari ini juga kaunter MPSP telah dipilih oleh SPRM Pulau Pinang untuk melaksanakan Kempen Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang juga dijalankan serentak di PBT-PBT terpilih di seluruh Malaysia.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada pihak SPRM atas pelbagai inisiatif dalam menyebar luas mesej anti rasuah kepada masyarakat dengan pelbagai Kempen yang dijalankan secara berterusan seperti pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle), Kempen Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dan Kempen Sahabat GERAH SPRM. Kami di MPSP akan sentiasa bersama untuk memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa ini.

**YBhg Datuk,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

Ini bukan kali pertama MPSP melaksanakan program bersama SPRM. Malah banyak program telah dilaksanakan sebelum ini dan di antara program-progaram yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 adalah:-

- i. Program transformasi minda 23-27 Mei 2016 (Terdapat SLOT SPRM)
- ii. Taklimat pencegahan rasuah dalam perkhidmatan awam bersama SPRM pada 29.06.2016

- iii. Program Transformasi Minda 10-14 April 2017
- iv. Taklimat Integriti Dan Pencegahan Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam pada 16 Jun 2017.
- v. Jemputan Sebagai Pemerhati Ikrar Bebas Rasuah (IBR) (Corruption Free Pledge) Peringkat Negeri Pulau Pinang - 04.08.2017
- vi. Pemerhati Ikrar Bebas Rasuah (IBR) (Corruption Free Pledge) Peringkat Negeri Pulau Pinang - 28.07.2017

Untuk tahun 2018 pula, beberapa perancangan telah dibuat bersama SPRM iaitu:-

- i. Program Transformasi Minda dimana akan terdapat Slot Bersama SPRM.
- ii. Taklimat berkenaan Rasuah Dan Integriti Oleh SPRM (Skop Anti-Bribery Management System)

## **YBhg Datuk,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

MPSP amat memberi perhatian serius terhadap masalah integriti dan etika pada semua kakitangan tidak mengira barisan pengurusan tertinggi atau peringkat sokongan. MPSP sememangnya amat komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan.

Untuk makluman YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, sebanyak empat (4) orang kakitangan MPSP telah diambil tindakan berhubung kes yang melibatkan aktiviti suapan / sogokan dari tahun 2010 hingga 2017. Seorang kakitangan telah dijatuhkan amaran dan ditangguhkan pergerakan gaji setahun, manakala dua (2) orang kakitangan telah dibuang kerja dan seorang lagi ditamatkan perkhidmatan.

Kejayaan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bergantung kepada sistem perkhidmatan yang kompeten, berkesan dan telus terutamanya dari segi aspek sistem penyampaian kepada para pelanggan. Untuk mewujudkan perkhidmatan PBT yang mampu memacu pembangunan serta memberi perkhidmatan terbaik, pihak pengurusan PBT semestinya bersikap profesional, mengamalkan sistem

tadbir urus yang berakauntabiliti dan mengamalkan budaya kerja yang cemerlang serta mempunyai keutuhan yang tinggi.

MPSP adalah organisasi pertama yang dipersijilkan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 20 Oktober 2017 dengan nombor siri pensijilan ABMS 00101. Sistem ini dilaksanakan di MPSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta membantu mengurangkan risiko suapan. Dengan persijilan ABMS ini, ianya saling melengkapi dengan persijilan-persijilan lain yang telah diperolehi oleh MPSP sebelum ini, di mana sistem-sistem yang dilaksanakan adalah selari dengan usaha MPSP untuk mencapai visi dan misi MPSP serta merealisasikan pentadbiran yang mengamalkan prinsip "Cekap, Akauntabiliti, Telus".

**YBhg Datuk,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP juga sentiasa membuat penambahbaikan dan memudahkan proses kerja bagi perkhidmatan MPSP. Antara proses kerja yang telah ditambahbaik adalah proses permohonan lesen tidak berisiko boleh diperolehi pada hari yang sama ia dimohon, lesen bertempoh bagi kilang, mewujudkan Garis Panduan Permit Sementara Bagi Pusat Mencuci Kenderaan Secara Manual, Garis Panduan Jualan

Kenderaan Terpakai, Garis Panduan Perniagaan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan dan Garis Panduan Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran.

**YBhg Datuk,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

Di samping penambahbaikan dari aspek prosedur permohonan lesen perniagaan, MPSP juga telah menyediakan prosedur lesen bertempoh untuk membantu pengusaha kilang / peniaga mendapatkan lesen. Prosedur ini memberikan peluang kepada pengusaha atau peniaga yang masih tidak mematuhi syarat-syarat jabatan teknikal mendapatkan lesen dan pada masa yang sama mengambil tindakan untuk mematuhi semua syarat-syarat teknikal berkenaan dalam tempoh tiga tahun.

**YBhg Datuk,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

MPSP sedang berusaha menyediakan sistem permohonan lesen perniagaan secara atas talian (online). Usaha ini dibuat untuk menggerakkan MPSP kerah Bandar pintar yang dapat menyediakan perkhidmatan yang mudah dan pantas kepada rakyat. Pemohon hanya perlu melengkapkan butiran-butiran yang diminta dan boleh mencetak

lesen dengan hanya satu klik tanpa mengira lokasi permohonan dibuat. Sistem permohonan secara atas talian ini akan dibuka kepada orang ramai dalam masa terdekat setelah MPSP menyelesaikan beberapa isu teknikal.

### **YBhg Datuk,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

Lambaran baru tahun 2018, MPSP mahu mengubah pesepsi rakyat iaitu “MPSP bukan sahaja mahu mengambil tindakan penguatkuasaan tetapi MPSP juga mahu menyelesaikan masalah rakyat”. Oleh itu Hari Mesra Pelanggan dengan tema “Anda ada masalah, kami permudahkan” merupakan satu program MPSP untuk mendekati serta membantu rakyat dan sekaligus menangani gejala rasuah. Program ini kali pertama telah diadakan pada 25 Januari 2018 di perkarangan lobi dan auditorium MPSP yang telah berjaya menarik minat seramai lebih kurang 500 orang peserta dengan pelbagai masalah yang dihadapi yang berkaitan dengan MPSP. MPSP telah menetapkan untuk mempergiatkan lagi Hari Mesra Pelanggan ini pada setiap tiga (3) bulan bagi mendekatkan MPSP dengan rakyat.

Saya menyeru kepada seluruh warga MPSP supaya sentiasa menjaga integriti semasa melaksanakan tugas dengan penuh rasa ikhlas dan bertanggungjawab. Persepsi negatif segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap penjawat awam khususnya agensi-agensi yang melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan kononnya mudah disogok dengan rasuah perlu kita kikiskan. Kita perlu buktikan bukan hanya sekadar lafaz lisan kita membenci rasuah malah kita perlu zahirkan dalam bentuk tindakan kita. Harapan saya agar warga MPSP mampu menjadi lebih berani untuk mengatakan tidak pada rasuah, warga yang memiliki kekuatan dalaman, minda dan pendirian untuk membenci serta menolak rasuah dan salah guna kuasa.

**YBhg Datuk,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Bertepatan dengan pelancaran KEMPEN GERAKAN MEMERANGI PEMBERI RASUAH (GEMPUR) yang dilancarkan pada hari ini dengan slogan "Anda Hulur, Kami Lapor",

Saya sekali merakamkan ribuan terima kasih kepada SPRM Negeri Pulau Pinang atas inisiatif melancarkan Kempen Memerangi Pemberi Rasuah (GEMPUR) pada hari ini. Slogan "Anda Hulur, Kami Lapor" disemaikan di hati sanubari dan disematkan dalam hati setiap warga MPSP semasa melaksanakan tugas sehari-hari. Sama-sama kita

panjatkan doa agar negara kita amnya serta Negeri yang kita cintai ini sentiasa aman harmoni dan Wawasan untuk menjadikan negara kita sebagai negara maju yang bebas daripada rasuah akan tercapai.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**